

09/05/04 BH B1

PM minta China terima produk jenama Malaysia

Daripada Mior Kamarul Shahid di Beijing

DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi, semalam merasmikan pameran 'Showcase Malaysia in China' di Beijing dengan mesej Malaysia berkemampuan menawarkan produk dan perkhidmatan yang meluas dengan kualiti serta standard yang tinggi.

Bagi meyakinkan peniaga China, Perdana Menteri berkata, Malaysia mempunyai sistem penghantaran dan perkhidmatan sokongan yang membanggakan berasaskan rekod kemampuannya memuaskan permintaan pelanggan dari seluruh dunia.

Dalam hubungan itu, Abdullah berharap China memberi perhatian kepada pelbagai jenama produk dari Malaysia yang sudah terbukti berjaya menembusi pasaran antarabangsa.

Sebagai contoh, Perdana Menteri berkata, kenderaan buatan Malaysia, peralatan elektronik, perkakasan elektrik, makanan dan minuman, pakaian, kasut dan aksesori fesyen sudah diiktiraf di Asia Tenggara, Asia Timur, Asia Barat serta Kesatuan Eropah,

Kenderaan buatan Malaysia, peralatan elektronik, perkakasan elektrik, makanan dan minuman, pakaian, kasut dan aksesori fesyen sudah diiktiraf di Asia Tenggara, Asia Timur, Asia Barat serta Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan Australia

Amerika Syarikat dan Australia.

Perdana Menteri kini dalam rangka lawatan rasmi lima hari ke negara itu sempena memperingati ulang tahun ke-30 hubungan diplomatik kedua-dua negara.

Abdullah berkata, walaupun pertukaran produk antara dua negara sudah meluas, kemajuan perdagangan antara Malaysia dengan China belum mencapai potensi sepenuhnya.

Beliau berkata, meskipun prestasi perdagangan amat membanggakan, 'kita tidak seharusnya leka' dan perlu mengambil langkah mengekalkan momentum perdagangan.

"Adalah jelas, peluasan perniagaan dan hubungan perdagangan antara Malaysia dan China hanya akan dicapai jika masyarakat perniagaan tahu dan faham apa yang masing-masing perlu tawarkan," katanya.

Abdullah menjelaskan Malaysia mengamalkan perniagaan terbuka di samping melaksanakan dasar yang menjamin segala bentuk urusan niaga.

Tambahan pula katanya, suasana perniagaan di Malaysia disokong dengan sistem fizikal, kewangan dan prasarana komunikasi yang canggih.

Kerajaan memberi sokongan untuk memudahkan pengaliran produk dan perkhidmatan antara Malaysia dan negara lain di seluruh dunia.

"Sahabat kita dari China juga ingin tahu bahawa adalah mudah untuk menjalankan perniagaan antarabangsa dengan Malaysia kerana ia dibuat dalam bahasa Inggeris, manakala ramai peniaga Malaysia fasih berbahasa Mandarin," tambahnya.

Oleh itu, katanya, Malaysia mahu China menjadikan Malay-

sia sebagai tempat pelaburan atau menjadi rakan kongsi dalam pelbagai bentuk perniagaan.

Tahun lalu, perdagangan Malaysia dengan China berkembang sebanyak 23.7 peratus dengan nilai AS\$14.1 bilion (RM53.58 bilion).

Ini termasuk peningkatan eksport Malaysia ke China sebanyak 29.3 peratus dan kenaikan import Malaysia dari China sebanyak 18.9 peratus. Nilai eksport ialah AS\$6.8 bilion (RM25.84 bilion) dan import, AS\$7.3 bilion (RM27.74 bilion).

Menyatakan rasa bangga dengan peningkatan perdagangan dua hala bagi tempoh suku pertama tahun ini, Abdullah berkata, perdagangan dua hala antara Malaysia dan China meningkat 38.4 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Sebanyak 84 gerai syarikat Malaysia mempamerkan produk masing-masing untuk memaklumkan kepada ahli perniagaan China berhubung peluang yang boleh mereka terokai.

Sementara itu, Abdullah dan perwakilan Malaysia menunaikan solat Jumaat di masjid Nan Xia Po, daerah Chaoyang, dekat Beijing.